

**Kadar Inflasi Tahun Ini Di Jajaran 2.0 Peratus
Bernama
24 Mac, 2013**

BACHOK, 24 Mac (Bernama) -- Kadar inflasi negara pada tahun ini diramal berada pada jajaran tidak melebihi 2.0 peratus berasaskan kemampuan kerajaan Barisan Nasional (BN) dan Bank Negara Malaysia (BNM) mengurus kewangan dengan bijak.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata ini terutama kejayaan mengekalkan harga barang-barang keperluan asas seperti beras, gula, minyak masak dan bahan bakar melalui pemberian subsidi.

"Ini terutama pada musim perayaan seperti Aidilfitri, Tahun Baharu Cina dan Deepavali," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Nelayan Bachok dan penyampaian elaun sara hidup nelayan secara tunai di Pangkalan Petah di sini Ahad.

Pada majlis itu, 561 nelayan Bachok menerima wang tunai bagi bulan Februari yang membabitkan peruntukan lebih RM1 juta.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Bank Negara Malaysia (BNM) yang mengumumkan kadar inflasi pada tahun lepas pada paras 1.6 peratus, iaitu yang terendah berbanding Amerika Syarikat 2.1 peratus, Singapura 4.6 peratus, Indonesia 4.3 peratus dan 3.0 peratus bagi Thailand.

Awang Adek, yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata pemberian subsidi itu dapat mengekang inflasi dan tidak sebagaimana negara-negara lain yang tidak dapat mengekang kenaikan harga barang kerana tidak mampu mengeluarkan subsidi ke atas barangan keperluan asas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/bu/newsbusiness.php?id=936944>